

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN CHA KEE CHIN [ RASAH ]**

**SOALAN NO. 107**

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan jumlah peruntukan yang akan disalurkan masing-masing kepada Majlis Perbandaran Seremban (MPS) dan Majlis Perbandaran Nilai (MPN) di bawah Projek Kecil di Kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (Butiran 00100 dalam Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2019) yang berjumlah RM342,657,000, dan juga senarai projek dengan nilai setiap projek tersebut.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melaksanakan projek berskala kecil di bawah peruntukan projek pembangunan di kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Projek-projek ini meliputi 3 skop utama iaitu infrastruktur, kemudahan awam dan sosio-ekonomi. Pada tahun 2019, KPKT telah diperuntukkan sebanyak RM342.6 juta untuk diagihkan kepada 148 PBT di seluruh negara bagi pelaksanaan projek kecil pembangunan.
2. Sebanyak RM1,608,000 telah disediakan bagi membiayai 5 projek kecil pembangunan di Majlis Perbandaran Seremban (MPS) dan Majlis Perbandaran Nilai (MPN). RM618,000 bagi 3 projek di kawasan MP Seremban dan RM990,000 bagi 2 projek di kawasan MP Nilai.

3. Senarai projek beserta peruntukan adalah seperti berikut:

| Bil                       | Tajuk Projek   | Skop           | Peruntukan (RM)  |
|---------------------------|--|----------------|------------------|
| <b>MP Seremban</b>        |  |                |                  |
| 1.                        | Membina Gerai Penjaja di Taman Paroi Jaya, MP Seremban   | Sosio-ekonomi  | 300,000          |
| 2.                        | Membina Pusat Komuniti dan Kerja Berkaitan di Taman Dato' Syahbandar, Ampangan, MP Seremban            | Kemudahan Awam | 250,000          |
| 3.                        | Memasang Pelintas Pejalan Kaki di Hadapan Sekolah Menengah Chan Hwa Serta Kerja Berkaitan, MP Seremban | Infrastruktur  | 68,000           |
| <b>Jumlah</b>             |  |                | <b>618,000</b>   |
| <b>MP Nilai</b>           |  |                |                  |
| 1.                        | Menaiktaraf Pusat Penjaja Mantin di Pekan Mantin, MP Nilai   | Sosio-ekonomi  | 495,000          |
| 2.                        | Menaiktaraf Longkang di Jalan Utama Taman Semerak, MP Nilai  | Infrastruktur  | 495,000          |
| <b>Jumlah</b>             |  |                | <b>990,000</b>   |
| <b>Jumlah Keseluruhan</b> |  |                | <b>1,608,000</b> |

Sekian, terima kasih.